

**IMPAK URBANISASI DAN PERANAN WANITA.
KAJIAN KES : WANITA MELAYU KELAS PEKERJA DI SHAH ALAM**

OLEH :
**YUSFIDA AYU BT. ABDULLAH @ MOHD. ZAIN
HABSAH BT. HASHIM**

JULAI 2005



Rujukan Fail : 100-FSPU (PT. 36/5/7/9)
Tarikh : 22 Julai 2004
4 Jamadilakhir 1425

F S P U

FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN & UKUR

Kompleks Tahir Majid
UiTM, 40450 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan

Tel : 55444347 Fax : 55444353

Puan Yusfida Ayu Abdullah @ Mohd Zain
Pensyarah
Jabatan Perancangan Bandar & Wilayah
Fakulti Senibina Perancangan & Ukur
Kompleks Tahir Majid
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
SELANGOR DARUL EHSAN

Puan,

**TAJUK PROJEK : IMPAK URBANISASI DAN PERANAN WANITA
KAJIAN KES : WANITA MELAYU KELAS PEKERJA DI SHAH ALAM**

Sukacita kami menarik perhatian puan mengenai perkara di atas dan memaklumkan bahawa Jawatankuasa Penyelidikan dan Perundingan di peringkat Fakulti telah membuat keputusan :

- i. Bersetuju meluluskan cadangan penyelidikan yang dikemukakan oleh puan selaku Ketua dan Puan Habsah Hashim selaku Ahli Penyelidik.
- ii. Tempoh projek penyelidikan ini ialah Dua Belas (12) bulan, iaitu mulai 1 Ogos 2004 hingga 31 Julai 2005.
- iii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak RM 20,000.00 sahaja. Penggunaan geran yang diluluskan hanya akan diproses setelah perjanjian ditandatangani.
- iv. Puan perlu membelanjakan 50% daripada geran penyelidikan yang telah diluluskan bagi projek puan dalam tempoh enam (6) bulan pertama projek berjalan. Sehubungan itu, pihak Institute of Research, Development and Commercialisation (IRDC) akan memantau penggunaan geran penyelidikan puan untuk memastikan 50% daripada jumlah geran yang diluluskan telah dibelanjakan sehingga bulan Februari 2005.
- v. Semua pembelian peralatan yang kosnya melebihi RM 500.00 satu item perlu menggunakan Pesanan Jabatan universiti Teknologi MARA (LO). Pihak puan juga dikehendaki mematuhi peraturan penerimaan peralatan. Panduan penerimaan peralatan baru dan pengurusannya dilampirkan.
- vi. Semua peralatan/kelengkapan penyelidikan yang dibeli adalah menjadi hak milik Fakulti. Semua peralatan/Kelengkapan hendaklah diserahkan kepada pihak Fakulti setelah tamat penyelidikan untuk kegunaan bersama.
- vii. Seperti puan sedia maklum puan perlu membentangkan kertas kerja di Seminar Hasil Penyelidikan IRDC setelah projek tamat dijalankan nanti.

PENGHARGAAN

Kumpulan penyelidik ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkormersilan (IRDC) UiTM, di atas geran penyelidikan yang diluluskan. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga ditujukan kepada Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, UiTM Shah Alam, di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan di dalam pelaksanaan projek penyelidikan ini.

Projek penyelidikan ini berjaya diselesaikan mengikut perancangan dan jadual asal, lantaran menerima pelbagai kerjasama dan sokongan dari pelbagai pihak. Terlalu banyak agensi dan ramai orang-perseorangan untuk dinamakan. Paling utama ialah bantuan dan kerjasama yang dihulurkan oleh Penolong Penyelidik iaitu Zamzuriah Bt. Shahri dan Nuruliza Bt. Zulkifle. Tidak ketinggalan saudari Norhasliza Bt. Nazail dan saudari Noor Sahaliza Bt. Ramli di atas kajiselidik yang dilaksanakan di peringkat awal penyelidikan.

Sekalung budi juga, khusus ditujukan kepada agensi-agensi berikut atas maklumat dan data yang telah diberikan, iaitu:

- Jabatan Perancangan, Majlis Bandaraya Shah Alam
- Jabatan Korporat, Majlis Bandaraya Shah Alam
- Majlis Persatuan Penduduk (MPP) Shah Alam

Tidak dilupakan semua pihak yang terlibat, secara langsung atau tidak langsung di dalam pelaksanaan projek penyelidikan ini. Semoga hasil penyelidikan ini dapat memanfaatkan Wanita di luar sana.

SENARAI ISIKANDUNGAN

<i>Surat Tawaran Penyelidikan</i>	<i>ii</i>
<i>Surat Penyerahan Laporan</i>	<i>iv</i>
<i>Daftar Ahli Penyelidik</i>	<i>v</i>
<i>Penghargaan</i>	<i>vi</i>
<i>Isikandungan</i>	<i>vii</i>
<i>Senarai Jadual</i>	<i>x</i>
<i>Senarai Rajah</i>	<i>xiii</i>
<i>Senarai Lampiran</i>	<i>xiv</i>
<i>Senarai Singkatán Kata</i>	<i>xv</i>
<i>Abstrak</i>	<i>xvi</i>

1.0 PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	3
1.3 Kepentingan Kajian	4
1.4 Definisi	4
1.4.1 Urbanisasi	4
1.4.2 Impak Urbanisasi	5
1.4.3 Kelas Pekerja	5
1.4.4 Peranan Wanita	6
1.4.5 Kemudahan Masyarakat dan Sistem Sokongan Sosial	7
1.5 Sasaran Kajian	8
1.6 Objektif Kajian	8
1.7 Skop Kajian	9
1.8 Had Kajian	12
1.9 Pendekatan Kajian	13
1.9.1 Kajian Literatur	13
1.9.2 Kajian Pengamatan	13
1.9.3 Kajiselidik Responden	15
1.9.4 Temubual Agensi Kerajaan	15
1.9.5 Analisis Data	16
1.9.6 Rumusan dan Cadangan	16

ABSTRAK

Wanita yang terdiri daripada hampir separuh penduduk Malaysia telah lama memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan ekonomi dan sosial negara. Sumbangan mereka merangkumi peranan mereka sama ada sebagai seorang ibu, isteri, ahli keluarga, pekerja yang bergaji, mahupun sebagai ahli masyarakat. Kini, gunatenaga golongan wanita telahpun bertambah dan mampu bersaing dengan kaum lelaki, sekaligus membantu mempertingkatkan tahap ekonomi negara. Sumbangan yang besar oleh golongan wanita telah lama mendapat pengiktirafan oleh kerajaan, dan disebabkan oleh ini maka kerajaan sentiasa menggalakkan penyertaan mereka di dalam proses pembangunan negara dengan membuka peluang-peluang yang lebih luas untuk menceburi bidang sosial, ekonomi dan politik. Malahan, menyedari akan pelbagai peranan wanita dalam keluarga, masyarakat, ekonomi dan politik negara, kerajaan telah membentuk strategi-strategi yang khusus untuk golongan wanita, termasuklah menggubal Dasar Wanita Negara dalam tahun 1989, yang mana bertujuan untuk mengintegrasikan sumbangan wanita dalam proses pembangunan negara.

Golongan wanita juga dikatakan sebagai kaum yang serba berkebolehan kerana mampu untuk melaksanakan pelbagai tugas dan tanggungjawab serentak sama ada peranan mereka di rumah, mahupun di luar sebagai pekerja dan anggota masyarakat. Kebolehan ini seharusnya diberikan penghargaan dan kaum wanita sewajarnya disokong oleh semua pihak termasuklah ahli keluarga mereka, majikan di tempat kerja dan ahli masyarakat yang lain. Sungguhpun kerajaan telah menyusun pelbagai strategi dan program bagi memantapkan pembangunan wanita di arena sosial, ekonomi dan politik, namun kaum wanita masih melalui pelbagai halangan dan dilema dalam hidup mereka, terutamanya golongan wanita yang tinggal di bandar. Keadaan menjadi lebih rumit andainya wanita yang tinggal di bandar ini mempunyai pendapatan isirumah yang kecil iaitu di bawah RM2000 sebulan. Dengan pendapatan yang kecil ini dan beban serta tanggungjawab rumahtangga yang besar, maka kehidupan mereka perlulah dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan awam di kawasan kejiranan mereka dan juga dilengkapi dengan sistem sokongan sosial. Ini adalah bagi meringankan bebanan tugas mereka terutamanya bagi mereka yang bekerja.

Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk melihat peranan wanita yang tinggal di bandar dan mempunyai pendapatan isirumah RM2000 dan ke bawah, serta menilai sistem sokongan sosial dan kemudahan awam di kawasan kejiranan mereka. Diharapkan dengan adanya kajian sebegini, maka isu dan masalah golongan wanita ini dapat dikenalpasti dan dari sini dapatlah disusun strategi dan cadangan yang bersesuaian, demi meningkatkan kesejahteraan kaum wanita di bandar.